

SEMy2030 agenda baharu keusahawanan sosial

**5 teras strategik,
20 strategi
dan 45 inisiatif
capai objektif,
sasaran dasar**

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Rangka Tindakan Keusahawanan Sosial 2030 (SEMy2030) yang dilancarkan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, menyediakan hala tuju nasional yang baharu kepada pembangunan keusahawanan sosial di Malaysia.

Perdana Menteri berkata, SEMy2030 dibangunkan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dengan lima teras strategik, 20 strategi dan 45 inisiatif dalam memastikan pencapaian objektif dan sasaran dasarnya.

Beliau berkata, kerajaan mahu perusahaan sosial terus diperkasa dan dimantapkan peranannya bagi mendepani cabaran serta perubahan luar jangka, selain melonjakkan prestasi mereka ke tahap lebih tinggi seiring keperluan dan tuntutan masyarakat serta alam sekitar.

"Kerajaan menyedari potensi dan peranan penting keusahawanan sosial dalam memacu pertumbuhan sosioekonomi negara. Jadi, sebuah dasar dan objektif nasional jangka panjang perlu diwujudkan.

"Justeru, SEMy2030 menggariskan lima objektif yang sejajar dengan aspirasi, strategi dan inisiatif yang ditetapkan di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Dasar Keusahawanan Nasional 2030 dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

"Tumpuan Rangka Tindakan termasuk membangunkan ke-



Ismail Sabri diiringi Noh (kiri) melawat ruang pameran selepas melancarkan SEMy 2030 di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

rangka kawal selia dan tadbir urus yang efektif untuk memastikan perusahaan sosial di Malaysia mempunyai tanggungjawab serta akauntabiliti, selain membina kepercayaan rakyat dan sektor swasta," katanya pada majlis pelancaran SEMy2030, di sini, semalam.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyampaikan geran pembiayaan kepada perusahaan sosial yang keseluruhannya berjumlah RM810,935.10 yang memberi manfaat membabitkan 490 peserta.

Selain itu, Perdana Menteri turut menyaksikan penyerahan sumbangan bernilai RM156,300 daripada UDA Holdings Sdn Bhd; Bank Rakyat, SME Bank dan Perbadanan Nasional Berhad kepada empat perusahaan sosial terpilih.

Pada masa sama, Ismail Sabri berkata, SEMy2030 menggariskan inisiatif untuk meningkatkan kesedaran, jangkauan dan pembedayaan konsep keusahawanan sosial yang berdaya maju serta memberi impak positif kepada peningkatan kehidupan masyarakat.

Katanya, bagi memastikan perusahaan sosial mampu berkembang dan lebih berdaya saing, SEMy 2030 turut menggariskan strategi bersasar untuk meningkatkan keupayaan dan kompetensi perusahaan sosial.

"Perusahaan sosial perlu terus diperkasa dan dimantapkan peranannya bagi mendepani cabaran dan perubahan luar jangka, selain melonjakkan prestasi mereka ke tahap lebih tinggi seiring keperluan dan tuntutan masyarakat serta alam sekitar.

"Usaha bersepadu akan diambil untuk memperkukuhkan pelaksanaan dasar dan penyelarasan serta pemantauan dan pengukuran impak program pembangunan keusahawanan sosial yang dilaksanakan pelbagai Kementerian dan agensi.

"Ia asas membangunkan sebuah ekosistem yang komprehensif dan kondusif dalam menyokong pertumbuhan keusahawanan sosial di Malaysia," katanya.

Beliau berkata, SEMy2030 akan menyediakan latihan adaptasi teknologi dan pendigitalan yang lebih berstruktur, peluasan akses

kepada pembiayaan dan sokongan kewangan serta penyediaan fasilitasi untuk akses kepada pasaran domestik dan antarabangsa.

Katanya, SEMy2030 turut menetapkan deskripsi baharu perusahaan yang lebih inklusif selaras ciri perusahaan sosial pada peringkat global.

"Selain itu, KUSKOP akan melaksanakan semakan semula dan menambah baik kerangka pendaftaran dan akreditasi perusahaan sosial sedia ada supaya mendapatkan akses lebih luas terhadap bantuan dan peluang berkembang maju ke hadapan.

"Saya yakin keusahawanan sosial adalah pendekatan efektif bagi merangsang pembangunan sosioekonomi dalam kalangan Keluarga Malaysia serta menjamin kemapanan alam sekitar," katanya.

Beliau berkata, semua pihak yang berkepentingan dalam pembangunan keusahawanan sosial terutama agensi awam dan swasta, pelabur impak sosial serta badan korporat diseru memberikan sokongan, kerjasama dan komitmen padu dan berterusan.